



**JABATAN BURUH**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

---

**SIARAN AKHBAR**

**PROSES LESEN PEKERJA ASING (LPA)**  
**BAGI PERMOHONAN LESEN MEMBAHARUI DAN PERTUKARAN KONTRAK**

Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, akan memulakan fasa ke-tiga Proses Lesen Pekerja Asing (LPA) iaitu bagi Permohonan Membaharui Lesen dan Pertukaran Kontrak bermula pada **01 April 2017**.

Lesen Pekerja Asing (LPA) ini merupakan proses baru yang diperkenalkan di Jabatan Buruh, iaitu bagi **permohonan untuk mendapatkan kebenaran mendatangkan pekerja asing untuk berkhidmat di syarikat-syarikat sektor swasta di negara ini**. Secara ringkasnya, proses ini adalah penggabungan proses Permohonan Lesen Pengambilan Pekerja Asing dan Proses Sokongan Pas Kerja menjadi satu proses sahaja. Antara perubahan utama proses LPA ini ialah TPOR proses Pengambilan Pekerja Asing secara keseluruhan di Jabatan Buruh dikurangkan dari 41 hari bekerja kepada 9 hari bekerja bagi kegiatan selain pembinaan (termasuk pembayaran wang taruhan dan menandatangani kontrak di Jabatan Buruh), manakala bagi kegiatan pembinaan TPOR adalah 18 hari bekerja sahaja. Proses Permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA) bagi fasa pertama telah dilaksanakan pada 1hb Oktober 2016M bersamaan 29 Zulhijjah 1437H iaitu bagi permohonan Lesen Baru sahaja, manakala bagi permohonan Tambahan pula telah bermula pada 01hb Januari 2017 bersamaan 03 Rabiulakhir 1438H. Adapun antara lain LPA ini diperkenalkan adalah bertujuan bagi mendokong hasrat negara ke arah persekitaran pro business

dan juga pada masa yang sama bagi menggalakkan dan meningkatkan peluang pengambilan anak tempatan di sektor swasta.

Sebelum menghadapi permohonan Lesen Pekerja Asing ke Jabatan Buruh para majikan adalah dikehendaki untuk memenuhi persyaratan seperti berikut iaitu:

- i. Mendaftar dan mendapatkan pengesahan *Mandatory Registration* di *JobCentre* Brunei;
- ii. Mendaftarkan pekerja-pekerja tempatan di Tabung Amanah Pekerja (TAP);
- iii. Mendapatkan sokongan atau pengesahan agensi Kerajaan jika berkenaan dan diperlukan.

Para majikan dan orang ramai yang berhasrat untuk membuat permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA) bagi Permohonan Membaharui Lesen bolehlah mendapatkan borang khas iaitu borang LD5 yang boleh didapati di kaunter 6 (LPA) Jabatan Buruh atau di Ruang Legar, Tingkat Bawah, Bangunan Jabatan Buruh dan Cawangan Jabatan Buruh di Daerah masing-masing atau memuat turun borang melalui laman sesawang Jabatan Buruh ([www.labour.gov.bn](http://www.labour.gov.bn)). Para pemohon seterusnya adalah dikehendaki untuk **melengkapkan borang LD5 sebanyak 2 salinan berserta dengan dokumen-dokumen yang diperlukan** iaitu :

- 1- Salinan kad pengenalan/*passport* bagi semua Pemohon/Pemilik/Rakan kongsi Syarikat;
- 2- Salinan *passport* yang masih sah bagi pekerja-pekerja asing yang dipohonkan;
- 3- Dua (2) salinan sijil pendaftaran Borang X / Bab 16 & 17 (*Company Registration*);
- 4- Dua (2) salinan Perjanjian Penyewaan (*Tenancy Agreement*) bagi Pejabat/Tempat Perniagaan/Perusahaan dan Tempat Tinggal pekerja (bagi yang berkenaan);
- 5- Salinan BUR500/555 yang masih sah dan terkini bagi semua pekerja asing yang masih dalam jaminan.
- 6- Salinan Lesen Pengambilan Pekerja Asing (Kuota)
- 7- Menyertakan pengesahan *Mandatory Registration* dari *JobCentre* Brunei;
- 8- Menyertakan senarai pekerja-pekerja tempatan yang dicetak dari sistem e-Amanah, Tabung Amanah Pekerja (TAP);
- 9- Menyertakan sokongan atau pengesahan agensi Kerajaan jika berkenaan dan diperlukan.

10- Bagi kegiatan pembinaan, hendaklah menyertakan salinan projek yang sedang/akan dijalankan;

11- Salinan Resit Banci Pekerja dan Majikan 2016;

TPOR bagi permohonan Membarui Lesen Pekerja Asing ini adalah 7 hari bekerja bagi kegiatan selain pembinaan, dan 18 hari bekerja bagi kegiatan pembinaan.

Bagi permohonan pertukaran kontrak, pemohon hendaklah mengisi borang pertukaran kontrak seperti lazimnya dan hendaklah menyertakan juga borang Lesen Pekerja Asing bagi Lesen Membarui yang telah lengkap diisi berserta dengan dokumen yang diperlukan.

Sukacita juga dimaklumkan kepada para majikan bahawa sebarang permohonan Membarui Lesen Pekerja Asing dan juga Permohonan Pertukaran Kontrak bolehlah dihadapkan ke Jabatan Buruh oleh majikan sendiri ataupun melalui Agensi Pekerjaan yang berlesen.

Berikutan bermulanya proses fasa ke tiga ini nanti, adalah dimaklumkan juga maka bermula 1hb Julai 2017, Permohonan Sokongan Pas Kerja BUR500 dan juga BUR555 adalah ditiadakan dan tidak akan lagi diterima.

Untuk sebarang penerangan lanjut mengenai proses permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA), para majikan, pihak-pihak yang berkepentingan dan orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Buruh ([www.labour.gov.bn](http://www.labour.gov.bn)), mengikuti perkembangan terkini melalui Instragram ([labour.brunei](https://www.instagram.com/labour.brunei)), atau datang terus ke Ruang Legar, Tingkat Bawah, Bangunan Jabatan Buruh, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan juga Cawangan Pejabat Buruh di Daerah masing-masing. Sebarang pertanyaan mengenai Lesen Pekerja Asing (LPA) juga boleh di e-mail terus di alamat [lpa@buruh.gov.bn](mailto:lpa@buruh.gov.bn) atau [info.buruh@buruh.gov.bn](mailto:info.buruh@buruh.gov.bn)

**Jabatan Buruh , Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**23hb Mac 2017**